



**SIMULASI** menyelamatkan mangsa ketika berlaku kecemasan.

## UPMKB, bomba Bintulu adakan latihan kecemasan kebakaran

**BINTULU:** Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Putra Malaysia (JKKP-UPMKB) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Pejabat Penguasa Zon Bintulu mengadakan Latihan Pengungsian Bangunan dan Latihan Kecemasan Kebakaran Fasa 1 di UPMKB, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, latihan itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf, pelajar dan kontraktor tentang langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kes kecemasan semasa bekerja.

“Latihan Fasa 1 ini juga melibatkan seramai 74 penghuni yang berada di lima bangunan, iaitu Jabatan Sains Tanaman, Jabatan Sains Perhutanan, Jabatan

Sains Haiwan dan Perikanan, Jabatan Sains dan Teknologi dan Bangunan Teknologi Maklumat.

“Pihak bomba juga telah memberi beberapa nasihat kepada Emergency Response Team (ERT) UPMKB dan penghuni bangunan yang terlibat tentang langkah-langkah yang perlu diambil ketika menghadapi bencana dan prosedur pengungsian bangunan,” katanya.

Antara aktiviti lain yang dijalankan adalah simulasi penyelamatan mangsa yang terperangkap dalam bangunan oleh ERT UPMKB dan pasukan bomba.

“Latihan berakhir dengan penyampaian sijil penghargaan daripada pihak universiti kepada JPBM Pejabat Penguasa Zon Bintulu,” ujar kenyataan itu.